



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23(40)
Tarikh : 11 Mac 2026

Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Negeri Terengganu.

Tuan,

**ARAHAN PENEGASAN PENGURUSAN KEHADIRAN MURID MELALUI PELAKSANAAN
EARLY WARNING SYSTEM (EWS) DAN INTERVENSI KEHADIRAN MURID**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu memandang serius isu kehadiran murid yang memberi impak langsung terhadap kemenjadian murid dan pencapaian akademik sekolah. Sehubungan itu, semua sekolah adalah diarahkan untuk memastikan pengurusan kehadiran murid dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan seperti yang terkandung dalam surat pekeliling berikut:

- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1 Tahun 2019: Panduan Pengurusan Rekod Kehadiran Murid di Sekolah
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2010: Garis Panduan Mengurus Masalah Ponteng Sekolah
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 Tahun 1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah

3. Pihak sekolah juga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut harus diberi perhatian:

- a) Kehadiran murid direkodkan setiap hari persekolahan dalam sistem yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan (idMe) selewatnya pukul 12.00 tengah hari.
- b) Guru kelas bertanggungjawab memastikan rekod kehadiran murid dikemas kini dengan tepat dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- c) Tindakan awal dan amaran awal hendaklah diambil terhadap murid yang menunjukkan pola ketidakhadiran yang berulang.
- d) Pihak sekolah perlu melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi membantu murid yang menghadapi masalah kehadiran.
- e) Kerjasama dengan ibu bapa / penjaga perlu diperkukuhkan bagi memastikan kehadiran murid dapat ditingkatkan.
- f) Mengeluarkan surat amaran mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- g) Hebahan kepentingan kehadiran dilaksanakan secara berterusan melalui perhimpunan rasmi sekolah, media sosial sekolah dan komunikasi komuniti.

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23(40)

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila berhubung dengan **Encik Muhammad Nur Hakim bin Abd Rahman, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid** dan boleh dihubungi di talian **010-9835144** atau **hakim.rahman@moe.gov.my**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu.

s.k.
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan